اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

# BULETIN INSANI

## VOL 1, JANUARI 2022 - JUN 2022








PUSAT SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

UMPSAMalaysia
www.umpsa.edu.my
TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT

اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

# Aluan Dekan



Bismillahirahmanirahim,
Alhamdulilah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, yang mengizinkan julung-julung kalinya penerbitan sulung Buletin Insani, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK). Syabas dan tahniah buat sidang redaksi buletin yang diterajui oleh Dr Hasnah Hussiin untuk memastikan Buletin ini diterbitkan. Semoga diganjari Ilahi dengan sebaik ganjaran.

Buletin ini merupakan satu saluran pelaporan penerbitan dan aktiviti PSK sepanjang tahun. Usaha ini turut membuka peluang buat pensyarah PSK berkongsi kajian melalui penulisan-penulisan mereka. Maka dengan demikian, hasilnya dapat dimanfaatkan bersama-sama oleh seluruh pensyarah dan warga UMP. Saya yakin penerbitan buletin ini akan ditambah baik lagi pada masa-masa akan datang.

Daripada Abu Mas’ud Radhiyallahuanhu berkata, Rasûlullâh SAW bersabda: "Barangsiapa menunjukkan suatu kebaikan, maka ia mendapatkan pahala seperti pahala orang yang melakukannya.” [HR. Muslim]

Hadis di atas jelas memberikan khabar gembira buat ahli akademik yang menyumbangkan penulisan ilmiahnya dalam slot buletin ini, yang saya kira sudah pasti isu-isu yang baik dan bermanfaat untuk dihayati bersama.

Akhir kata, izinkan saya merakam sekali lagi ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitan Buletin Insani ini. Semoga dengannya menjadi amalan soleh dan menjadi saham di Makhsyar nanti. Ameen.

اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

# Latar Belakang

## Pusat Sains Kemanusiaan

Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) ditubuhkan pada Ogos 2019 ekoran daripada penjenamaan semula Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) menjadi dua buah PTJ berbeza iaitu Pusat Bahasa Moden (PBM) dan Pusat Sains Kemanusiaan (PSK). PSK terdiri daripada dua jabatan utama iaitu Jabatan Sains Kemanusiaan (JSK) dan Jabatan Kemahiran Insaniah (JKI). Pada tahun 2020, JKI telah distrukturkan semula menjadi Jabatan Sains Sosial (JSS). Objektif penjenamaan PSK adalah sebagai hab pembelajaran untuk peningkatan ilmu sains kemanusiaan, komunikasi dan pembangunan kemahiran sumber manusia kepada pelajar, staf akademik dan juga pelanggan UMP. Di samping itu, ia juga memainkan peranan utama dalam menyokong semua fakulti dan pusat pembelajaran untuk menyediakan kursus wajib universiti iaitu kursus Mata Pelajaran Umum (MPU), Mata Pelajaran Wajib (MPW) dan latihan yang berkaitan dengan fungsi teras di universiti. Secara ringkasnya fungsi-fungsi PSK adalah seperti berikut;

a) Melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) bagi kursus mata Pelajaran Umum dan wajib universiti.
b) Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bagi kursus elektif universiti
c) Menawarkan kursus SPPT dan Modular kepada pelajar dan komuniti.
d) Menawarkan program Sarjana dan Doctor Falsafah secara penyelidikan
e) Memperkasa penyelidikan dan penerbitan berasaskan bidang fokus PSK.
f) Menawarkan khidmat perundingan dan latihan berasaskan bidang kepakaran.
g) Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan kepada warga UMPSA dan komuniti setempat melalui program *community scholar.*
h) Melaksanakan hal ehwal pengurusan dan pentabiran sebuah PTJ di universiti.
i) Menguruskan hal ehwal fasiliti dan teknikal sebuah PTJ di universiti.

اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

## Visi

"Pusat Pembangunan Insan Holistik Termaju"

## Misi

"Kami Menyediakan Pendidikan, Penyelidikan, Perkhidmatan Pembangunan Insan Holistik Bertunjangkan Nilai-Nilai Teras UMPSA Kepada Komuniti"

## Objektif

Menghasilkan graduan holistik melalui penyediaan kursus kemanusiaan yang berdaya saing.

Menerajui projek kajian berwawasan yang berasaskan komuniti.

Diiktiraf sebagai pusat perkhidmatan kemanusiaan berasaskan bidang kebitaraan.

اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

# Piagam Pelanggan

"Kami, staf PSK beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti dengan":

Untuk Semua Pelanggan PSK;

- Pelajar, Staf, Pihak luar, Pihak berkepentingan

Kami komited untuk menawarkan perkhidmatan yang berkualiti, beretika & berintegriti dalam perkara berikut;

- Menyediakan kemudahan untuk Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan dan Persekitaran kerja yang kondusif.
- Semua program akademik diluluskan dan ditadbirurus berasaskan governan universiti.
- Graduan PSK diiktiraf dan memenuhi kehendak industri, badan profesional dan agensi kerajaan,
- Sentiasa bersedia untuk memberi layanan yang mesra, berintegriti dan profesional. kepada warga universiti dan masyarakat.
- Semua aduan dan cadangan rasmi akan diambil tindakan (semua aduan dan cadangan akan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan)

Tanggungjawab Pelanggan;

Untuk membolehkan kami melaksanakan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan, kami memohon pelanggan agar;

- Memahami segala hak pelanggan dalam Piagam PSK ini.
- Mematuhi segala undang-undang, garis panduan dan peraturan yang berkenaan.
- Menggunakan segala kemudahan yang disediakan dengan bertanggungjawab
- Bersopan santun dan tatasusila.

# Carta Organisasi

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN PUSAT SAINS KEMANUSIAAN (PSK) TAHUN 2019 -2021



# Carta Organisasi

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN PUSAT SAINS KEMANUSIAAN (PSK) TAHUN 2021 -2023



# Bidang Fokus

| NO | BIDANG FOKUS | KETUA BIDANG |
|---|---|---|
| 1. | Pembangunan Manusia | Profesor Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab |
| 2. | Falsafah, tamadun & Sejarah | En. Ahmad Ibrahim |
| 3. | Warisan Pahang | Dr. Mohamad Hilmi Mat Said |
| 4. | Pengajian Islam | Dr. Tuan Sidek Tuan Muda |
| 5. | Falsafah & Pemikiran | Dr. Abdul Kamil Jamaluddin |

## SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

| BIL | KOD KURSUS | KURSUS | JABATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | UHC1012 | Falsafah & Isu Semasa | JSK |
| 2 | UHC2022 | Penghayatan Etika & Peradaban | JSK |
| 3 | UHS1022 | Soft Skills | JSS |
| 4 | UHE3012 | Contemporary Leadership In Community | JSS |
| 5 | UHE3032 | Introduction To Human Behavior | JSS |
| 6 | UHE3042 | Organizational Counseling | JSS |
| 7 | UHE3062 | Malaysia: The Impact Of Globalization | JSS |
| 8 | UHE3072 | Technology For Human Capital Development | JSS |
| 9 | UHE3122 | Islamic Institutions | JSK |
| 10 | UHE3162 | Family System In Islam | JSK |
| 11 | UHE3182 | Malaysian Studies | JSK |
| 12 | UHE3192 | Fundamental Ibadah In Islam | JSK |
| 13 | UHE3202 | Introduction To Halal Studies | JSK |
| 14 | UHE3212 | Global Competencies | JSS |
| 15 | UHE3222 | Al-Quran Memorization 1 | JSK |
| 16 | UHE3232 | Al-Quran Memorization 2 | JSK |
| 17 | UHE3242 | Fiqh Haji And Umrah | JSK |
| 18 | UHE3252 | Positive Psychology | JSS |
| 19 | UHE3262 | Foundation In Tvet | JSS |
| 20 | UHE3272 | Introduction To Social Science | JSS |
| 21 | UHE3282 | Palestine Studies | JSK |
| 22 | UHE3292 | Introduction To Islamic Astronomy | JSK |
| 23 | UHE3302 | Introduction To Political Science | JSS |
| 24 | UHE3312 | Introduction To International Law | JSK |
| 25 | UHE3322 | Introduction To Islamic Medication Practice | JSK |
| 26 | UHE3332 | Zikir (Islamic Remembrance) For Human Development | JSS |
| 27 | UHE3342 | Strategic Thinking Of Iconic Asian Leaders | JSK |
| 28 | UHE3352 | Introduction To Principles Of Islamic Jurisprudence | JSK |
| 29 | UHE3362 | Instructional Design And Technology In Tvet | JSS |
| 30 | UHE3372 | Complex Problems Solving Skills | JSS |
| 31 | UHE3382 | Arabic Corpus 1 | JSS |
| 32 | UHE3392 | I'jaz Al Quran | JSK |
| 33 | UHE3402 | Psychology In The Quran And Sunnah | JSS |
| 34 | UHE3412 | Leadership In Tvet | JSS |
| 35 | UHE3422 | Introduction To Industrial And Organizational Psychology | JSS |
| 36 | UHE3432 | Kursus Integriti Dan Anti-Rasuah (Kiar) | JSS |
| 37 | UHE3442 | Introduction To Training Management | JSS |
| 38 | UHE3452 | Introduction To Guidance And Counseling | JSS |

# PERJAWATAN STAF DI PUSAT SAINS KEMANUSIAAN

## 1. BILANGAN STAF




## 2. GRED JAWATAN



# PENERBITAN

## Penerbitan Buku/Modul/Manuskrip

### Buku

- Imaduddin Abidin, Jamal Rizal Razali, Modul Transformasi Belia (Trans-B), Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2022.
- Dr Fatmawati, Hati Yang Rawan, Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2022.
- Hasnah Hussiin, Cerita dan Fakta Phd, Ebook. 2022.
- Dr Haji Jahid bin Haji Sidek, Dr Mahyuddin Ismail, Foklor Pengobatan Nusantara, Penerbit CV. ASSOFA, 2022.
- Dr Mahyuddin bin Ismail, Manual Rawatan "Haj Home (Rawatan, Latihan & Pemulihan) Terbitan JAKIM 2022.
- Profesor Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab, Nurul Atikah Mohd Rodzri, Psikofisiologi untuk Pembangunan Insan, Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Profesor Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab, Protokol, Skrip Intervensi dan Interpretasi, Data Biofeedback Program Bina Insan, Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2022.
- Razali Harun, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd Azri Ibrahim, Marzudi Yunos & Mohd Rahimi Ramli, "Pilihanraya Kecil DUN Seri Setia" dalam Persaingan Politik dan Pilihanraya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihanraya Kecil Pasca 9 Mei 2018, Ilham Books, 2022.
- Siti Zaharah Setapa, Hasnah Hussiin, Nur Afifah Saharudin, Norhaslina Sulaiman, Mohd Rosdi Ripin, Solehah Samsudin, Zuharyati Yusof, Penghayatan Etika dan Peradaban, Penerbit Ehsan (M) Sdn Bhd, 2022.
- Rohana Hamzah, Pengurusan Diri Pelajar Luar Kampus, Cabaran Kehidupan Pencetus Pengalaman Bermakna, Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2022.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Siti Nubailah Mohd Yusof, Anita Abdul Rani, Covid-19, Kesejahteraan Hidup Semasa Norma Baharu; Isu dan Solusi, Penerbit Universiti Malaysia Pahang.

### Manuskrip

- Prof Madya Dr Jamal Rizal bin Razali, Manuskrip Empu Keris Pahang, Projek Pusat Kecemerlangan Sumber dan Pendigitalan Ilmu Negeri 2022, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP).

# PENERBITAN

## Penerbitan Buku/Modul/Manuskrip

## Penerbitan Artikel di Jurnal/Majalah/Akhbar/Prosiding

### Prosiding

• Hamir Hamzah Jaafar, Mohamad Hilmi Mat Said, Nor Yazi Khamis, "The Design and Development of a Tajweed Learning Innovation", International Conference: Transdisciplinary Paradigm on Islamic Knowledge, Volume 2022.

### Jurnal

• Ab. Rahim, H., Ahmad,H., Wahab, N., Ab. Rahim, "M.H Development of Kaya Slice (coconut jam slice): evaluation of physicochemical,sensory evaluation and macronutrients composition when cooperated with gelatin", Food Research 6 (2) : 241 - 247 (April 2022).
• Mohd Rozaimy Ridzuan, Jamal Rizal Razali, Noor Amira Syazwani Abd, Rahman & Soon Yew, Ju, "Youth Engagement in Flood Disaster Management in Malaysia", International Journal Academic Research in Business and Social Sciences, ISSN:2222-6990, 10 May 2022.
• Noor Amira Syazwani Abd Rahman, Jamal Rizal Razali, Mohd Rozaimy, Ridzuan, Soon Yew, Ju, " Examining The Factors Influencing Malaysian Parents' Intention Toward Human Papillomavirus (HPV) Vaccination For Children", International Journal Academic Research in Business and Social Sciences, ISSN:2222-6990,13 May 2022.
• Noor Amira Syazwani Abd Rahman, Jamal Rizal Razali, Mohd Rozaimy Ridzuan dan Soon Yew, "A Comparative Study on Childhood Vaccination Policy in the United States, Australia, Europe and Malaysia", International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol.7, ISSUE 1, 92-96, 15 May 2022.
• Robe'ah Yusuf, Fathiah Izzati Mohamad Fadzillah, Jamilah Bebe Mohamad and Jamal Rizal Razali, "Pahang State Folklore Based on the Legend of Chini Lake Dragon", International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol.7, ISSUE 1, 22-25, 15 April 2022.
• Shahril Ismail, Robe'ah Yusuf, Pooveneswaran Nadarajan, Jamal Rizal Razali, " Representation of Mental Processes and the use of Artefacts in Structuring Spanish Language Sentences", Intenational Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol.7, ISSUE 1, 66-75, 1 April 2022.
• Mohamad Firdaus Mohamad Ismail, Siti Zuhaidah Shahadan, Tuan Sidek Tuan Muda, Muhammad Amin Ahmasd Zaki & Salizar Mohamed Ludin, "Maqasid al-Shari'ah as a Complementary Framework for International Council of Nurses (ICN) Code of Ethics for Nurses: Malaysian Context", Malaysian Journal of Qualitative Research Vo.8(1), May 2022.
• Ahmad Muhaimin Mohamad, "Analisis Pola Penggunaan Portal e-Pembelajaran dan Pencapaian Subjek", Journal of ICT in Education (JICTIE), ISSN 2289-7844 / 9 / 1 / 2022 / 100-116.

# PENERBITAN

## Penerbitan Artikel di Jurnal/Majalah/Akhbar/Prosiding

### Prosiding

• Hamir Hamzah Jaafar, Mohamad Hilmi Mat Said, Nor Yazi Khamis, "The Design and Development of a Tajweed Learning Innovation", International Conference: Transdisciplinary Paradigm on Islamic Knowledge, Volume 2022.

### Jurnal

• Ab. Rahim, H., Ahmad,H., Wahab, N., Ab. Rahim, "M.H Development of Kaya Slice (coconut jam slice): evaluation of physicochemical,sensory evaluation and macronutrients composition when cooperated with gelatin", Food Research 6 (2) : 241 - 247 (April 2022).
• Mohd Rozaimy Ridzuan, Jamal Rizal Razali, Noor Amira Syazwani Abd, Rahman & Soon Yew, Ju, "Youth Engagement in Flood Disaster Management in Malaysia", International Journal Academic Research in Business and Social Sciences, ISSN:2222-6990, 10 May 2022.
• Noor Amira Syazwani Abd Rahman, Jamal Rizal Razali, Mohd Rozaimy, Ridzuan, Soon Yew, Ju, " Examining The Factors Influencing Malaysian Parents' Intention Toward Human Papillomavirus (HPV) Vaccination For Children", International Journal Academic Research in Business and Social Sciences, ISSN:2222-6990,13 May 2022.
• Noor Amira Syazwani Abd Rahman, Jamal Rizal Razali, Mohd Rozaimy Ridzuan dan Soon Yew, "A Comparative Study on Childhood Vaccination Policy in the United States, Australia, Europe a Malaysia", International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol.7, ISSUE 1, 92-96, 15 May 2022.
• Robe'ah Yusuf, Fathiah Izzati Mohamad Fadzillah, Jamilah Bebe Mohamad and Jamal Rizal Razali, "Pahang State Folklore Based on the Legend of Chini Lake Dragon", International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol.7, ISSUE 1, 22-25, 15 April 2022.
• Shahril Ismail, Robe'ah Yusuf, Pooveneswaran Nadarajan, Jamal Rizal Razali, " Representation of Mental Processes and the use of Artefacts in Structuring Spanish Language Sentences", International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol.7, ISSUE 1, 66-75, 1 April 2022.
• Mohamad Firdaus Mohamad Ismail, Siti Zuhaidah Shahadan, Tuan Sidek Tuan Muda, Muhammad Amin Ahmasd Zaki & Salizar Mohamed Ludin, "Maqasid al-Shari'ah as a Complementary Framework for International Council of Nurses (ICN) Code of Ethics for Nurses: Malaysian Context", Malaysian Journal of Qualitative Research Vo.8(1), May 2022.
• Ahmad Muhaimin Mohamad, "Analisis Pola Penggunaan Portal e-Pembelajaran dan Pencapaian Subjek", Journal of ICT in Education (JICTIE), ISSN 2289-7844 / 9 / 1 / 2022 / 100-116.

### Suratkhabar

• Dr Noradilah binti Mohd Nordin, "Abai kecerdasan emosi jejas pencapaian akademik murid lelaki", Berita Harian, 29 Mac 2022.
• Dr Noradilah binti Mohd Nordin, "Beri sokongan emosi kepada murid mangsa bencana banjir", Berita Harian, 11 Januari 2022.
• Dr Hasnah Hussiin, "Kebebasan di Media Sosial Lunturkan Nilai Murni Masyarakat", Berita Harian, 6 April 2022.

# PENERBITAN

## Penerbitan Artikel di Jurnal/Majalah/Akhbar/Prosiding

### Majalah

• Dr Hasnah Hussiin, "Penerimaan Pelajar UMP Terhadap Pembelajaran Subjek Pengajian Malaysia: Satu Kajian Ringkas", PEKAN REVIEW, 30 Mac 2022.
• Dr Hasnah Hussiin, " Rumusan Permasalahan dan Cabaran Pelajar UMP dalam Menjalani Pembelajaran Secara Dalam Talian", PEKAN RIVEW, 11 Mac 2022.
• Dr Hasnah Hussiin, " Semangat Kebangsaan Dalam Puisi Melayu Sebelum Merdeka", Dewan Bahasa, Jun 2022.

### Penyelidikan

• Dr Abdul Kamil bin Jamaludin, "Ulama Pondok di Pahang: Analisis Ketokohan dan Sumbangan Dalam Memartabatkan Pendidikan Islam di negeri Pahang", Geran Dalaman ITKAS (RM19,500), Universiti Malaysia Pahang.
• Mohd. Azam bin Muhammad Akhir, "Jejak Warisan Silat Menyusuri Sungai Pahang", Geran Dalaman ITKAS (RM19,500), Universiti Malaysia Pahang.
• Ahmad Ibrahim, "Keunikan Zapin dan Pantun Warisan Pahang", Geran Dalaman ITKAS (RM19,500), Universiti Malaysia Pahang.
• Dr Mohd Rahimi bin Ramli, Pelantikan sebagai Penyelidik Bersekutu untuk kajian lapangan bagi kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022.

### Perundingan dan Kepakaran

• Dr Mohd Suhardi bin Mat Jusoh, Ceramah Pemantapan Integriti, Sempena bulan Ramadhan dan Hari Bumi Sedunia, Bilik Mesyuarat Anggerik JAS Pahang, 22 April 2022.
• Dr. Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh, Ceramah Nuzul Al-Quran, Bagaimanakah Kita Berinteraksi dengan Al-Quran, Google Meet, 19 April 2022.
• Dr Asar bin Abdul Karim, Lantikan sebagai perunding Luar/Panel Pakar Bidang Pembangunan COPPA MQA-01 Diploma Hijamah Syarie, 16 Febuari 2022.
• Dr Asar bin Abdul Karim, Pelantikan sebagai perunding bagi Projek Membekalkan ASARFONT kepada jabatan Shariah Johor, 10 Januari 2022.
• Dr Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, Bicara Sarjana 3.0, Maktabah Shameela – Pengurusan Sumber Turath Pengajian Islam, Live FB PSK, UMP, 9 Jun 2022.
• Dr. Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh, Pelantikan sebagai panel pakar Fuzzy Delphi Method di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (13 Jun 2022).
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Perbezaan Gangguan Makhluk Halus dan Gangguan Kesihatan Mental, 21 April 2022, KWSP.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Bicara Nuzul Al-Quran, Peringkat Bahagian Sibu,19 April 2022, Dewan Kompleks Islam,SIBU, Sarawak.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Jemputan Sebagai penceramah bagi program kursus asas perceraian akibat gangguan sihir, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), 27-28 Jun 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Forensik Sihir, Bicara Ummah, Youtube MUIP TV, 16 Jun 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, "Buatan orang", Apa perlu anda buat?, Panduan berdasarkan hadis Nabi S.A.W, Radio Pahang FM, 8 Jun 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, "Tafsir Mimpi: Antara yang Haq dan yang batil", Radio Pahang FM, 25 Mei 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, "Tangkap dan bunuh Jin: Menurut Al-Quran dan Hadis, Radio Pahang FM, 8 Jun 2022.

# PENERBITAN

## Penerbitan Artikel di Jurnal/Majalah/Akhbar/Prosiding

### Perundingan dan Kepakaran

• Dr Mahyuddin bin Ismail, "Aplikasi GSP48 Dalam Pengurusan Kes Perceraian Angkara Sihir", Penceramah Persidangan Ketua Pendaftar Bersama Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' orang Islam Negeri Perak Tahun 2022, 24 Mei 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Panel Pakar Penggubal Manual Rawatan "Haj Home (Rawatan, Latihan & Pemulihan)
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Jemputan sebagai pembentang bicara Ramadhan Sempena Nuzul Al-Quran 1443 H, 19 April 2022, Dewan Kompleks Islam Sibu, Sarawak.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Ahli Panel Pakar Tasawuf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2022-2023.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Jemputan ceramah agama bulanan untuk kakitangan Pejabat Astana Negeri Sarawak, 18 febuari 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Pakar Rujuk Penilaian dan Pemantauan Pematuhan Syariah Pengamal Pengubatan Islam, Pejabat Majlis Islam Sarawak, 18 Febuari 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Pelantikan sebagai Perunding bagi Projek Perundingan Kursus Aplikasi GSP48 Dalam Pengurusan Kes Perceraian Angkara Sihir Bagi Jabatan Agama Islam Perak (JAIPrk), 27 Januari 2022.
• Dr Mahyuddin bin Ismail, Jemputan menyampaikan taklimat berkaitan penunuhan Jawatankuasa Pengamalan Pengubatan Islam, Hotel Waterfront Kuching, 31 Januari 2022.
• Prof Madya Dr Mansor bin Sulaiman, Pelantikan sebagai Perunding Shariah bagi Pensijilan MS 1900:2014 UMP HOLDING dan Kumpulan, 13 April 2022.
• Prof Madya Dr Hasan Ahmad, Panel Jemputan: Deme Tanya Kome Jawab "Had Kifayah Dalam Kiraan Zakat Pendapatan", FB LIVE, PKZ Pahang, 14 April 2022.
• Prof Madya Dr Hasan Ahmad, Bicara Ummah: Valentine Day Kekasih Sejati, MUIP TV, 10 Febuari 2022.
• Prof Madya Dr Jamal Rizal bin Razali, Appointment as an Examiner for Evaluation of PHD Tesis, (Abdul Bari: The Islamia University of Bahawalpur, 7 April 2022.
• Prof Madya Dr Jamal Rizal bin Razali, Pelantikan sebagai hakim di dalam pertandingan pameran keris antik bermaklumat, Akademi Senibela Diri dan Budaya Pahang Resources, 30 Julai 2022.
• Dr Abdul Kamil bin Jamaludin, Jemputan ceramah Diskusi Akidah Peringkat Daerah Maran, Pejabat Agama Islam Daerah Maran, Dengan Kerjasama Bahagian Penyelidikan JAIP.
• Dr Abdul Kamil bin Jamaludin, Jemputan Kuliah Maghrib, Masjid Salahuddin Al-Ayubbi, Indera Mahkota 15, Kuantan, 10 Febuari 2022.
• Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Tawaran Sebagai Jurulatih Sambilan Akademi Adab, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), UMP, 2 Januari 2022.
• Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Pelantikan Sebagai Panel Pakar Fuzzy Delphi Method, UKM, 13 Jun 2022.
• Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Jemputan sebagai penceramah Majlis Solat Hajat dan Doa Selamat di Teja Skills Resources, 28 Mac 2022.
• Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Jemputan sebagai penceramah "Kenali Syurga dan Neraka" di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 21 Mac 2022.
• Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Jemputan sebagai penceramah di Rumah Rawatan dan Penjagaan Lelaki, Penor, Kuantan, 31 Mac 2022.
• Dr Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, Bicara Sarjana, Maktabah Shameela – Pengurusan Sumber Turath Pengajian Islam, LIVE FB PSK, 9 Jun 2022.

# PENERBITAN

## Latihan (Training)

1. Prof Madya Dr Mansor bin Sulaiman, Bengkel Teras Rujukan Nilai-nilai Kepimpinan DNA Universiti Awam dan Hubungkait Pemprofilan Kompetensi Kepimpinan Sebagai Petunjuk Potensi Siri 2, Dorset Putrajaya, 13-15 Mei 2022.
2. Dr Rohana binti Hamzah, Certified First Aider Specialist in Mental Health, Biro Psikologi Terapan, Platform Konseling Remaja Online, Komunitas Harapan Adiksi Indonesia, PEKA Malaysia, PEKA Brunei, 20 May 2022.
3. Dr Fatmawati binti Latada, Certified First Aider Specialist in Mental Health, Biro Psikologi Terapan, Platform Konseling Remaja Online, Komunitas Harapan Adiksi Indonesia, PEKA Malaysia, PEKA Brunei, 20 May 2022.
4. Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Certified First Aider Specialist in Mental Health, Biro Psikologi Terapan, Platform Konseling Remaja Online, Komunitas Harapan Adiksi Indonesia, PEKA Malaysia, PEKA Brunei, 20 May 2022.
5. Dr Anita binti Abdul Rani, Certified First Aider Specialist in Mental Health, Biro Psikologi Terapan, Platform Konseling Remaja Online, Komunitas Harapan Adiksi Indonesia, PEKA Malaysia, PEKA Brunei, 20 May 2022.
6. Prof Madya Dr Jamal Rizal bin Razali, Menghadiri Jerayawara Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dan Bengkel Pemerkasaan Badan Bukan Kerajaan Peringkat Negeri Pahang pada 27 hingga 28 Mac 2022.
7. Haslinda Hashim, Trainer, MyTRIZ-MATRIZ Certified Facilitator, Feb-Mac 2022.

## Anugerah/Pencapaian

## Pencapaian

## Pemenang Pingat Emas

1. Prof Madya Dr Hasan Ahmad, MHG Capsule: An Improved Tongkat Ali Product for the wellbeing of Aging Men, Creation, Innovation, Technology & Research Exposition 2022, 11 Mac 2022, Universiti Malaysia Pahang.
2. Prof Madya Dr Hasan Ahmad, Laporan Akhir Kajian Tinjauan Perubahan Cuti Umum Negeri Pahang 2020.

# Aktiviti PSK 2022

## Majlis Apresiasi Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) 2021

**28 Januari 2022**

KUANTAN, 28 Januari 2022 - Pusat Sains Kemanusiaan telah menganjurkan Majlis Apresiasi PSK 2021 yang bertempat di Swiss Bel Hotel Kuantan pada 28 Januari 2022 lalu. Ia telah dirasmikan oleh Prof Madya Dr Hasan bin Ahmad, Dekan Kanan Kolej Pengurusan & Kemanusiaan dan dihadiri oleh Dekan PSK, Ahli Pengurusan dan semua staf PSK termasuk beberapa tetamu jemputan.




| NO | NAMA ANUGERAH | SENARAI PENERIMA |
|---|---|---|
| 1 | Anugerah Khas Jabatan JSK /JSS | 1. Dr Noradilah bt Md Nordin<br>2. Dr Hasnah bt Hussiin<br>3. Dr Ahmad Muhaimin bin Mohamad<br>4. Dr Anita bt Abdul Rani |
| 2 | Anugerah Pengajaran & Pembelajaran (PdP) cemerlang | 1. Dr. Noradilah binti Md Nordin |
| 3 | Anugerah Penyeliaan | Dr Hasmadi b Hassan |
| 4 | Anugerah penerbitan /penulisan | |
| | a) *Non indeks*<br>b) *Buku*<br>c) *Karya kreatif (penulisan di akhbar etc)* | 1. Dr Hasmadi b Hassan<br>2. Profesor Dr Muhammad Nubli bin Abdul Wahab<br>3. Dr Hasnah Hussiin |
| 5 | Anugerah Geran Luar | 1. Prof Madya M Dr Hasan Bin Ahmad |
| 6 | Anugerah Penyelidik terbaik | 1. Profesor Dr Muhammad Nubli bin Abdul Wahab<br>2. Prof Madya Dr Hasan bin Ahmad<br>3. Dr Ahmad Irfan b Ikmal Hisham<br>4. Dr Mohd Suhardi b Mat Jusoh |
| 7 | Anugerah Khidmat Masyarakat | 1. Prof Madya Dr Hasan Bin Ahmad<br>2. Dr Mahyuddin bin Ismail<br>3. Dr Ahmad Irfan b Ikmal Hisham<br>4. Prof Madya Dr Mansor Bin Sulaiman<br>5. Sdr Zulkamarul Ariff bin Zulkifli |
| 8 | Anugerah Khas Wacana Intelek | 1. Prof. Madya Dr Jamal Rizal bin Razali |
| 9 | Anugerah perundingan | 1. Dr Rohana bt Hamzah<br>2. Dr Mahyuddin bin Ismail |
| 10 | Anugerah tokoh masyarakat / *communal scholar* | Dr Ahmad Irfan b Ikmal Hisham |
| 11 | Anugerah Pembangunan Insan | 1. Mohamad Hilmi bin Mat Said<br>2. Dr Tuan Sidek bin Tuan Muda<br>3. PM Dr Rashidi bin Abas<br>4. Dr Anita Dr M Suhardi |

Majlis ini bertujuan untuk mengiktiraf, menghargai dan memperingati staf PSK yang telah berjasa dalam memberikan sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang untuk memastikan KPI PSK tercapai sepanjang tahun 2020 & 2021. Ianya dilaksakan pada tahun 2022 kerana kekangan masa berikutan isu Pandemik COVID 19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam negara.Majlis ini turut memberi penghargaan kepada staf yang menyumbang dan mengharumkan nama PSK samada di peringkat jabatan, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, ia juga dapat mengerat hubungan sillaturahim sesama staf PSK yang pelbagai jabatan, memberikan suasana yang berbeza untuk menyuntik semangat positif dan dijadikan pendorong kepada staf yang lain untuk terus berusaha dalam memberi perkhidmatan yang terbaik serta komitmen yang tinggi dalam tugasan yang diberikan.



## Gotong-royong PSK

**11 Februari 2022**

Pada 11/2/2022 telah diadakan gotong royong bagi membersihkan dan menyusun semula kedudukan pejabat dan perabot PSK bagi mewujudkan suasana yang selesa, bersih dan kemas.








## Sambutan Hari Raya Peringkat PSK

**22 Jun 2022**

Sambutan Hari Raya Peringkat PSK telah diadakan dengan penuh rasa syukur setelah beberapa tahun sambutan ini tidak dilakukan. Sambutan secara sederhana telah dilakukan tetapi cukup meriah dengan kehadiran beberapa jemputan staf luar dari PSK.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER COMMITTEE) BIL 1/2022 PUSAT SAINS KEMANUSIAAN

**13 Mei 2022**

Kuantan, 13 Mei 2022 - Pusat Sains Kemanusiaan telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Taruh Bil 1/2022 secara dalam talian melalui pelantar Google Meet. Tujuan mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Taruh ini diadakan adalah untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran, Relevensi Program, Kaedah Penilaian dan Mekanisma yang berkaitan dengan OBE dan maklumbalas yang berkaitan daripada pihak Pemegang Taruh. Ianya juga sebagai memenuhi kalendar iaitu mesyuarat perlu diadakan sekurag-kurang satu kali setahun.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dekan PSK, Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said dan dihadiri oleh beberapa orang wakil daripada pihak berkepentingan. Senarai kehadiran adalah seperti berikut ;

| NO | NAMA | AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Mohd Azuri Shaari | Wakil Alumni |
| 2. | Dr. Mazeni Ismail | Wakil Alumni |
| 3. | Dr. Sara Asmawati Sharifuddin | Wakil Alumni |
| 4. | Dr. Zainal Abidin Kusmin | Wakil Alumni |
| 5. | Dr. Azizur Rahman Ramli | Wakil Alumni |
| 6. | En. Kamarulzaman Mahmad Khairai | Pelajar |
| 7. | Prof Dr. Badlihisham Nasir | Wakil Akademik |
| 8. | Dr. Hapiz Mahaiyadin | Wakil Akademik |
| 9. | En. Mohd Podzi Mahmud (BI Technologies) | Wakil Industri |
| 10. | En. Mohd Amri Abdullah (KKM) | Wakil Industri |
| 11. | En. Noridzuan Abd Manan (JAIP) | Wakil Kerajaan Tempatan |



## MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL PENASIHAT INDUSTRI (IAP) BIL 1/2022 PUSAT SAINS KEMANUSIAAN

**13 Mei 2022**

Kuantan, 13 Mei 2022 - Pusat sains Kemanusiaan telah menganjurkan Mesyuarat Panel Penasihat Industri (IAP) Bil 1/2022 pada 14 Mei 2022 bertempat di Hotel Zenith, Kuantan. Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan penasihatan dan pemurnian kurikulum program akademik, memberi pandangan terhadap kesesuaian program dan penilaian program, memberi maklum balas terhadap perjalanan program, membantu UMP untuk penempatan pelajar dan staf bagi Latihan/Sangkutan Industri, mendapatkan pandangan industri berkaitan relevensi program, kursus yang ditawarkan bersesuaian dengan kehendak industri dan mendapatkan pandangan industri berkaitan kesesuain kaedah pembelajaran dan pengajaran serta penilaian di dalam program.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said dan dihadiri oleh ahli-ahli dalaman di kalangan Pengurusan PSK. Mesyuarat turut dihadiri oleh Dekan Kanan Kolej Pengurusan & Kemanusiaan (KPK), Prof Madya Dr Hasan bin Ahmad. Mesyuarat kali ini dihadiri oleh panel seperti berikut;

| NO | NAMA | JAWATAN | AGENSI |
|---|---|---|---|
| 1. | Dato' Sri Md Shariff Shamsuddin | Pengarah Urusan | Asturi Metal Builsders (M) Sdn. Bhd |
| 2. | Puan Zaharah Binti Zainuddin | Pengarah Urusan | AKIE group Sdn. Bhd |
| 3. | Tuan Haji Ahmad Fuad Bin Apandi | Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) |
| 4. | Dr. Lokman Bin Ab. Rahman | Pengarah (Penerbitan) | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) |







## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN (SC) BIL 1/2022 PUSAT SAINS KEMANUSIAAN




**14 Mei 2022**

Putrajaya, 14 Mei 2022 - Pusat Sains Kemanusiaan telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian (SC) Bil 1/2022 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memberi nasihat dari segi pembentukan program baharu dan kurikulum dalam bidang yang berkaitan seperti menilai, membincang dan memurnikan program dan kurikulum yang dibina. Ia juga untuk memastikan kajian halatuju sesuatu program di PSK selaras dengan keperluan atau kehendak pasaran dan kehendak negara, memperluas jalinan kerjasamadan perkongsian pengetahuan antara universiti, pihak SC dan menghubungkan PSK dengan industri untuk kerjasama penyelidikan dan dalam pembangunan program akademik baharu.



Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Hasan bin Ahmad, Dekan Kanan, Kolej Pengurusan & Kemanusiaan mengantikan Profesor Dr Mohd Rosli bin Hainin, Timb Naib Canselor (Akademik & A'bangsa) yang berada di luar negara. Mesyuarat turut dihadiri oleh Pengarah PIDA, Prof Dr Kamal bin Yusoh Bersama dengan ahli pengurusan PSK yang terdiri daripada Dr Mohamad Hilmi bin Mat Said, Dekan PSK, semua Timbalan Dekan dan Semua Ketua Program di PSK. Senarai ahli Pemegang Taruh yang hadir pada kaliini adalah

| NO | NAMA | JAWATAN | AGENSI |
|---|---|---|---|
| 1. | Prof Dr Irwan Bin Mohd Subri | Pengarah | Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) (USIM) |
| 2. | Dato' Dr Sirajuddin Bin Suhaimee | Pengarah Kanan | Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) |
| 3. | Puan Musalimah Binti Mustaffa | Pengarah | Tabung Haji Negeri Pahang |





## RUMAH TERBUKA AIDILFITRI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) 1443H / 2022 “SYAWAL DIRAI, KELUARGA UMP DIHARGAI”

**24 Mei 2022**

Kuantan, 24 Mei 2022 - Universiti Malaysia Pahang telah menganjurkan Majlis Sambutan hari Raya Aidilfitri sempena meraikan kehadiran bulan syawal. Majlis turut dihadiri oleh Naib Canselor, Profesor Dato’ Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin, pengurusan universiti, ketua-ketua Jabatan, kakitangan serta para pelajar. Smbutan Rumah Terbuka ini telah diadakan di Dewan Serbaguna, UMP Kampus Pekan. Pusat Sains Kemanusiaan telah diberi tugas untuk menyediakan menu lemang beserta rendang dan serunding. Kakitangan pentadbiran PSK telah terlibat dalam proses menghias booth yang bermula seawal jam 8.00 pagi. Acara sambutan hari raya telah berakhir lebih kurang jam 1.00 petangngunan












## Majlis Kesyukuran PSK & Mesyuarat Pusat PSK Bil. 2/2022

**3 Jun 2022**

Pada 03 Jun 2022, Pusat Sains Kemanusiaan bersama Unit Kebajikan dan Pembangunan Insan telah menganjurkan Majlis Kesyukuran dan Mesyuarat Pusat PSK 2022. Program yang bermula dengan Mesyuarat Pusat dan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai program-program yang akan diadakan di PSK. Setelah sesi mesyuarat selesai, semua ahli telah menghadiri jamuan majlis kesyukuran yang diadakan di Dewan Banquet, Canseleri. Sebilangan tetamu turut hadir yang terdiri dari kakitangan di bangunan Canseleri, Gambang. Majlis telah berakhir sekitar jam 1.00 petang.





## STAF BAHARU TAHUN 2022



**Puan Adibah Auni Binti Hj Abdul Majid**
Pembantu Tadbir N19-A
Tarikh masuk ke PSK: 15 April 2022



**Puan Nur Fauzana Binti Rahimi**
Setiausaha pejabat N29-E
Tarikh masuk ke PSK: 17 Mei 2022

## STAF BERPINDAH JABATAN TAHUN 2022



**Puan Noorini Binti Md Shah**
Pembantu Tadbir N19-A
Tarikh bertukar jabatan: 15 April 2022

## SUDUT KREATIF

**Terapi Hujan**
Penulis: Hadijah Ahm
Pelukis: Hadijah Ahm

Dada langit mendegam
Dengan bunyi menggeruh
Gelap dan mendung
Sarat menampung

Ada anak kecil
Tak sabar menunggu
Rintik-rintik itu
Ritma curahan mempersona
Membuka segenap sendinya
Kulitnya disentuh titisan
Sonata hujan menggersik pendengaran
Aroma dedaunan dan tanah yang menyegarkan

Riang
Hanya mengerti Bahagia
Meraikan damai yang terpasung
Menikmati kanvas Agung

Cinta semesta mengasihimu
Berlarilah, bermain
bersatu dengan tanah
Rianglah, giranglah
berulit dengan becak
Hingga titisan hujan memudarkan jejak

Nikmatilah basah itu anak kecilku..
Kelak kau akan merindu

## HARI INI DALAM SEJARAH (PAHANG)

Tahukah anda, negeri Pahang adalah negeri yang paling sukar untuk British campur tangan berbanding negeri lain. Ini disebabkan British tidak ada sebab yang kukuh untuk campurtangan dalam hal ehwal negeri berkenaan memandangkan negeri Pahang tidak ada konflik daripada imigran, pemerintah dan juga masyarakat tempatan.

**Sidang Redaksi**

- En. Faisal Bin Jusoh
- Dr. Hasnah Binti Hussiin
- Dr. Muhaimin Bin Mohamad
- Dr. Hadijah Binti Ahmad
- Pn. Adibah Auni Binti Hj Abdul Majid
- Pn. Farah Farhani Binti Wan Zin
- En. Zulkamarul Ariff Bin Zulkifli
- En. Nazirul Mubin Bin Muhammad